



<b>KERATAN AKHBAR</b>
-----------------------

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	29/11/2019	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## Pahang lulus 127.893 hektar hutan simpan kekal

**KUANTAN** – Kerajaan Pahang meluluskan kawasan seluas kira-kira 127.893 hektar di Sungai Yu, Mukim Batu Yon, Lipis sebagai hutan simpan kekal dalam usaha melindungi hidupan liar termasuk Harimau Malaya.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kawasan baharu yang diluluskan itu juga bakal menghubungkan Hutan Simpan Kekal Ulu Jelai dan Tanum sekali gus membentuk Koridor Ekologi di bawah Pelan Induk Ekologi (CFS

1) yang terlibat secara langsung dengan rangkaian Central Forest Spine (CFS).

“Kerajaan negeri juga bersetuju menutup jalan lama Sungai Yu sepanjang kira-kira 5.2 kilometer di kawasan itu serta merizabkan tanah kerajaan seluas kira-kira 2.05 hektar sebagai Pusat Pembangunan, Penyelidikan dan Pusat Sehenti CFS Negeri Pahang.

“Keputusan penutupan jalan lama Sungai Yu itu wajar kerana jalan tersebut sudah jarang digunakan penduduk kampung sele-

pas siapnya Lebuhraya Central Spine Road di kawasan itu.

“Penutupan jalan itu juga wajar mengambil kira cadangan gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Perikatan Pemuliharaan Harimau Malaysia (MYCAT) yang disertai Malaysian Nature Society (MNS), Traffic South East Asia, Wildlife Conservation Society Malaysia Programme dan World Wildlife Fund (WWF) Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.